

Mana jambatan baru

Penduduk mahu pihak berwajib segera bina jambatan utama

IZWAN ROZLIN

GOMBAK—Penduduk Kampung Laksamana dan kawasan sekitarnya mahu pihak berwajib menyegerakan pembinaan jambatan utama yang menghubungkan lima kampung utama di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Laksamana Mahmud Ismail berkata, pihaknya kesal kerana jambatan yang sepatutnya dalam pembinaan ketika ini masih tertangguh pembinaannya.

Menurutnya jambatan alternatif sudah siap dibina untuk kemudahan sementara menanti jambatan baru dibina.

“Sekarang ada dua jambatan bila hujan tidak sampai satu jam air akan naik dan melimpah disebabkan alur sungai yang kecil akibat dihalang kedua-dua buah jambatan ini,” katanya ketika ditemui semalam.

Difahamkan punca banjir di Kampung Laksamana, Kampung Sungai Kertas dan Kampung Nakhoda sebelum ini disebabkan daripada aliran air sungai tersekat pada jambatan itu di samping hakisan tebing.

“Bila hujan sampah-sarap, kayu dan sebagainya akan tersekat pada jambatan menyebabkan air tidak boleh mengalir dan seterusnya melimpah namun ketika ini kerja membina tebing sungai sedang giat diusahakan oleh Jabatan



Mahmad (dua, kiri) menunjukkan aliran sungai semakin kecil antara faktor punca banjir kilat.

Pengairan dan Saliran,” katanya

JKKK sudah berhubung dengan pihak berwajib mengenai perkara itu dan dimaklumkan terdapat masalah dari segi kebenaran kerana jambatan itu terletak di bawah kabel bertegangan tinggi milik Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Sementara itu, *Sinar Harian* mendapati tertera pada papan tanda di situ bahawa jambatan lama akan ditutup dari 1 Jun hingga 1 Oktober

depan.

Sementara itu, penduduk Aslam Khan memberitahu jambatan besi itu sudah menjadi laluan utama penduduk sejak awal 70-an.

“Jambatan ini sudah menjadi kegunaan penduduk sejak sekian lama

“Sudah sampai masanya ianya dibina baru demi keselamatan dan keselesaan penduduk yang melaluinya,” katanya.